



KREATIF
...pelajar
menyediakan
hidangan
mereka.

Pertandingan masakan berasaskan herba, ulam

SERDANG: Antara Superwomen, Bitter Ghost dan Tak Boleh Boleh, tidak satu pun merujuk kepada nama watak rekaan dalam cerita rekaan atau judul novel tertentu, sebaliknya ia nama khusus bagi juadah enak lagi berkhasiat yang dihasilkan pelajar tahun tiga Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam Pertandingan Makanan Eksperimental di sini, semalam.

Uniknya, setiap makanan dihasilkan menggunakan

gabungan pelbagai campuran herba dan ulam selain 'mengahwinkan' juadah tiga bangsa utama di negara ini.

Pensyarah fakulti terbabit, Profesor Dr Suhaila Mohamed, berkata pertandingan berkenaan diwajibkan bagi setiap pelajar yang mengambil subjek makanan eksperimental.

“Matlamat pertandingan ini untuk memberi pendedahan kepada pelajar bagi menghasilkan makanan berkhasiat, tetapi pada masa sama enak untuk dinikmati,” katanya.